

Tajuk : Pelajar UNIMAS lancer EP muzik tribal

Pelajar UNIMAS lancar EP muzik tribal

Oleh Nor Azalina Rosli
bhvarsiti@bharian.com.my

KOTA SAMARAHAN: Sekumpulan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang menggelar diri mereka Sonar Tribal melancarkan Extended Play (EP) berjudul 'First Episode' dalam usaha mempromosikan muzik tribal Sarawak, baru-baru ini.

Ketua Kumpulan Sonar Tribal, Aduce Izzul Fahmi Azman, 22, berkata inisiatif itu diharap membolehkan pemuzik berdikari pada masa depan dan menyebarkan muzik tribal Sarawak ke serata dunia.

"Muzik melampaui pelbagai bahasa, tetapi muzik tradisional bukanlah pilihan utama memandangkan lebih banyak pilihan genre muzik lain pada masa ini. Sonar Tribal yang menggabungkan muzik kontemporari dan tribal lebih menepati cita rasa semua generasi tanpa mengubah dan menghilangkan keaslian muzik itu," katanya ketika ditemui dalam majlis pelancaran EP itu di

Dewan Serbaguna, Student Pavilion, UNIMAS, di sini, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman menyempurnakan pelancaran EP itu. Hadir sama, Dekan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS, Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim.

Sonar Tribal mendapat perhatian seluruh dunia melalui media sosial termasuk Twitter dan Facebook selain menerima undangan persembahan daripada pelbagai badan korporat serta muncul dalam beberapa wawancara televisyen.

Aduce berkata, beliau bersama Muhammad Hafizi Asmuni dan Muhammad Sufyan Kamarol Zaman, yang semuanya pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan serta Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, mempunyai kecenderungan dalam mempromosi muzik tribal Sarawak.

Katanya, EP yang dirakam di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS dan Shone Music House itu memperkenalkan bakat yang

dicungkil menerusi Sonar Tribal Music Bootcamp iaitu Ezra Telkola dari Baram serta Martin Denan Dais dan Ramdi Most dari Kampung Sebayor, Kota Samarahan.

Cakera padat (CD) itu mengandungi enam lagu ciptaan ahli kumpulan berkenaan iaitu Savayor's Mists, Sape Leto, Ole Ole, Runaway, Ngantok dan satu trek bonus yang dimainkan menggunakan alat muzik tradisional termasuk aape, kecatat dan darbuka serta alat muzik kontemporari, contohnya gitar dan bass.

Keuntungan diperolehi hasil jualan CD dan persembahan akan dijana semula untuk aktiviti kemasyarakatan yang mendukung usaha utama mereka iaitu memelihara muzik tribal, mencari dan mengasah bakat baru. Komuniti pertama yang akan mendapat manfaat daripada projek Sonar Tribal ialah Kelab Kebudayaan Kampung Sebayor.

Dalam majlis itu, Sonar Tribal dan bakat dari Kampung Sebayor menghiburkan tetamu dengan dua lagu yang dimuatkan dalam EP mereka.



PROF Wan Hashim menyerahkan cendera hati kepada Prof Mohd Fadzil.